

B649

MAHATHIR-PINDAAN

1981

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA)—PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN YANG AKAN DIBENTANGKAN DI SIDANG PERLIMEN MULAI MINGGU DEPAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGHALANG SESEORANG DARI MENGGUNAKAN BADAN-BADAN BUKAN POLITIK SEBAGAI LANDASAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI. PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MAHU MELIHAT PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DAN PERSATUAN BIASA DIGUNAKAN SEBAGAI BENTENG POLITIK.

"KITA MAHU MEREKA YANG TERLIBAT DALAM POLITIK MENGERTI AKAN PERKARA INI DAN JANGAN MENGGUNAKAN BADAN DAN PERTUBUHAN BIASA SEBAGAI LANDASAN POLITIK SEPERTI YANG DIBUAT OLEH KOMUNIS",

KATANYA.

BELIAU BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETELAH MENERIMA KUNJUNGAN MENTERI LUAR TURKI, ENCIK ILTER TURKMEN DI PEJABATNYA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PINDAAN YANG AKAN DIBENTANGKAN ITU AKAN MENGHENTIKAN AMALAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG SELAMA INI DIJADIKAN SEBAGAI LANDASAN KEPADA MEREKA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MASING-MASING.—BERSAMBUNG 1950/HM

MAHATHIR-PINDAAN 2 KUALA LUMPUR

SALAH SATU PINDAAN YANG DICADANGKAN IALAH MENGHARAMKAN MEREKA YANG DIHUKUM SALAH DALAM KEGIATAN JENAYAH DARI MEMEGANG DAN BERTANDING UNTUK SEBARANG JAWATAN DALAM PERTUBUHAN TERMASUK PARTI POLITIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SESEORANG YANG TELAH DIHUKUM SALAH BIASANYA TIDAK DIBENARKAN BERTANDING DALAM POLIHANRAYA.

"KAMI ANGGAP MEREKA YANG DIHUKUM TIDAK LAGI LAYAK UNTUK MEWAKILI RAKYAT DAN MEREKA TIDAK SEMESTINYA MELIBATKAN DIRI DALAM POLITIK", KATA BELIAU.

MENGENAI PERJUMPAAN DENGAN ENCIK TURKMEN, BELIAU BERKATA ADALAH EKORAN DARI PERJANJIAN YANG TELAH DICAPAI ANTARA DATUK HUSSEIN ONN DENGAN PARA PERIMPIN TURKI SEMASA LAWATAN BELIAU KE NEGARA ITU TIDAK LAMA DULU.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, HUBUNGAN DENGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN TURKI TIDAK BERAPA MENGGALAKKAN KERANA TURKI MASIH LAGI TIDAK MEMBELI TIMAH DARI MALAYSIA MANAKALA MALAYSIA PULA TIDAK MEMBELI APA-APA PUN DARI TURKI.—BERSAMBUNG 1952/HM

B652

MAHATHIR-PINDAAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KEADAAN ITU BERLAKU KERANA KURANGNYA PENERANGAN MENGENAI BARANG TURKI DAN MENGARAHKAN SUPAYA LEBIH BANYAK MAKLUMAT MENGENAI NEGERI ITU DISIARKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PER-INDUSTRIAN, JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) MENGAJAI KEMUNGKINAN PENERBANGAN YA KE EROPAH SINGGAH DI TURKI.—BERNAMA 1953/HM

87